

26 APR 1997

TVR SPORTS MUNGKIN MENGEKSPORT KOMPONEN KEPADA RAKAN KONGSI DI UK

SHAH ALAM, 26 April (Bernama) -- TVR Sports (Malaysia) Sdn Bhd, syarikat pengeluar kereta sport TVR pertama di seberang laut, mengkaji kemungkinan mengeksport beberapa bahagian kereta berkenaan yang dihasilkan di negara ini kepada rakan kongsinya, TVR Engineering Ltd di United Kingdom.

Ketua pegawai eksekutif syarikat itu, Peter Tan, hari ini berkata TVR Sports juga telah mengenal pasti beberapa bahagian kenderaan yang boleh dieksport seperti bahagian badan kereta tersebut yang diperbuat daripada kaca gentian.

Syarikat itu turut mengkaji kemungkinan mengeksport model-model TVR Chimaera dalam bentuk CDK bagi melengkapkan eksport kereta berkenaan dalam bentuk CBU, jelas beliau.

Bercakap pada persidangan berita selepas pelancaran Chaimaera keluaran tempatan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, Tan memberitahu bahawa Thailand adalah salah sebuah negara yang mungkin menjadi destinasi eksport Chimaera dalam bentuk CKD.

Sementara itu, dalam ucapan alu-aluannya, pengerusi TVR Sports, Datuk Razali Abdul Rahman, berkata syarikat berkenaan mungkin mula mengeksport komponen-komponen kereta tersebut kepada rakan kongsinya di United Kingdom sebaik sahaja program pembangunan vendornya dapat dilaksanakan.

TVR Sports, yang menghasilkan kira-kira 50 peratus kereta berkenaan secara dalaman, mengadakan program pembangunan vendor, bermula dengan 10 pengeluar bahagian dan komponen terpilih yang akan dibagunkan sebagai pembekal pada masa depan, tambah beliau.

TVR Sports, pengedar eksklusif kereta sport TVR bagi rantau Asia Pasifik, juga dijangka mengeksport kereta berkenaan ke United Kingdom dan pasaran Eropah memandangkan kilang TVR Engineering di UK meluaskan operasinya untuk memberi tumpuan kepada pengeluaran model baru TVR dikenali sebagai Cerbera.

Menurut Tan sejak Mac 1995, TVR Sports sudah melabur kira-kira RM24 juta untuk kilangnya di Pelabuhan Klang yang berkemampuan mengeluarkan 1,000 unit Chimaera setahun.

Kini, 10 unit Chimaera yang mempunyai dua tempat duduk itu dihasilkan sebulan dan rancangan sudah diatur untuk menambah jumlahnya kepada 20 unit sebulan menjelang akhir tahun ini.

Di Malaysia, kereta berkenaan akan dijual melalui kilangnya di Pelabuhan Klang di mana bakal pembeli berpeluang membuat tempahan mengikut cita rasa masing-masing dan dapat melihat sendiri proses pembuatannya, jelas beliau.

Chimaera yang dilengkapi injin V8 4.0 liter atau V8 5.0 liter, berharga antara RM238,000 hingga RM266,360 seunit.

TVR Engineering memegang 10 peratus kepentingan dalam TVR Sports manakala selebihnya dipegang oleh 11 pemegang saham lain. -- BERNAMA

AD DIN/sia